

Penggunaan "m doh" dalam membantu murid menghasilkan Corak pualaman yang jelas dan menarik

ABSTRACT

Penyelidikan tindakan yang dijalankan ini adalah untuk mengkaji sama ada penggunaan "M Doh" dalam membantu murid Tahun 4 menghasilkan corak pualaman yang jelas dan menarik yang serupa dengan batu marmar. Seramai 3 orang murid di sebuah sekolah jenis kebangsaan daerah Miri, Sarawak telah dijadikan sebagai responden penyelidikan tindakan ini. Konsep bermain sambil belajar turut diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran aktiviti pualaman dengan menggunakan "M Doh" supaya murid mudah mengenal unsur seni dan meningkatkan minat mereka. Kajian ini dijalankan berdasarkan kaedah kualitatif dengan menggunakan instrumen pemerhatian, senarai semak, rakaman video dan temu bual untuk mengumpul data yang berkaitan dan kemudian dianalisis untuk mengesahkan keberkesanan penggunaan "M Doh". Instrumen ujian diagnostik dan analisis dokumen dipilih adalah untuk mendapatkan data dalam kajian ini manakala pemerhatian dan temu bual adalah untuk mengukuhkan lagi dapatan kajian yang didapati. Semua data dan maklumat telah dikumpul, dianalisis dan dipersembahkan dalam bentuk jadual. Hasil karya menunjukkan berbeza yang ketara sebelum dan selepas menjalani rawatan. Dapatkan kajian mendapati hasil pualaman adalah lebih cantik dan menarik selepas menjalani rawatan.